

11

KESAN PENGGUNAAN KATA PINJAMAN BAHASA INGGERIS DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU

Ridzuan Abraham

Sekolah Menengah Pasir Ris Crest

ABSTRAK

Hakikatnya, bahasa Inggeris kini digunakan dengan lebih luas oleh ramai warga Singapura, terutama golongan muda yang terdiri daripada kanak-kanak dan remaja. Sebagai seorang guru Bahasa Melayu, hakikat ini menjadi sesuatu yang amat penting kerana secara tidak langsung menjejaskan kaedah dan pendekatan guru Bahasa Melayu itu sendiri di dalam bilik darjah. Secara umumnya, daripada pemerhatian harian, pelajar remaja di sekolah menengah amat selesa dengan penggunaan bahasa Inggeris sesama mereka. Oleh itu, kajian telah dilakukan bagi meninjau sama ada penggunaan kata pinjaman Inggeris di dalam bilik darjah mampu membantu pelajar memahami pengajaran dalam Bahasa Melayu dengan lebih baik ataupun menyukarkan pelajar memahami apa yang disampaikan oleh guru. Dapatan daripada kajian yang melibatkan semua pelajar Bahasa Melayu di Sekolah Menengah Pasir Ris Crest ini dapat memberi guru Bahasa Melayu gambaran tentang kesan dan implikasi pengajaran mereka di dalam bilik darjah bersangkutan dengan penggunaan kata pinjaman Inggeris.

Pengenalan

Bahasa Inggeris kini digunakan dengan lebih luas oleh kebanyakan warga Singapura, terutama dalam kalangan golongan muda. Sebagai seorang guru Bahasa Melayu, hakikat ini menjadi suatu hal yang amat penting kerana secara tidak langsung hal ini menjejaskan kaedah dan pendekatan yang digunakan oleh guru Bahasa Melayu di dalam bilik darjah. Oleh itu, kajian ini ingin meninjau sama ada penggunaan kata pinjaman bahasa Inggeris di dalam bilik darjah mampu

membantu pelajar memahami pengajaran dengan lebih baik ataupun sebaliknya. Dapatan daripada kajian selidik ini juga diharap akan dapat memberikan gambaran kepada guru Bahasa Melayu tentang kesan dan implikasi penggunaan kata pinjaman bahasa Inggeris di dalam bilik darjah.

Permasalahan

Kebanyakan pelajar kini datang daripada keluarga yang menggunakan bahasa Inggeris di rumah. Mereka juga lebih selesa menggunakan bahasa Inggeris sewaktu berkomunikasi dengan teman-teman. Berdasarkan profil pelajar sedemikian, adakah pelajar akan lebih mudah memahami bahan bacaan atau pengajaran yang dijalankan dengan menggunakan perkataan pinjaman bahasa Inggeris? Adakah guru perlu menggunakan lebih banyak kata pinjaman bahasa Inggeris dalam kelas untuk memudahkan pengajaran dan pembelajaran? Kesan dan implikasi yang dapat dicerakin melalui dapatan kajian ini nanti tentu sekali akan membantu guru memahami keperluan pelajar dengan lebih baik lagi.

Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat kerelevanan penggunaan kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahan pengajaran. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat kesan dan implikasi penggunaan kata pinjaman bahasa Inggeris di dalam bilik darjah.

Kajian Lepas

Kamus Dewan Edisi Keempat mendefinisikan kata pinjaman sebagai perkataan yang diambil daripada bahasa asing. Menurut Haugen (1953) peminjaman merupakan proses perubahan bahasa yang natural yang mana sesebuah bahasa menambah perkataan baharu kepada leksikon bahasanya sendiri dengan meniru perkataan-perkataan daripada bahasa yang lain. Proses meminjam perkataan daripada bahasa lain disebut sebagai *borrowings* dan perkataan yang terbit hasil daripada proses peminjaman ini disebut kata pinjaman (*loan words*). Oleh itu, proses meminjam kata daripada satu bahasa kepada satu bahasa yang lain ini bukanlah suatu proses yang luar biasa. Sebaliknya, setiap bahasa di dunia ada meminjam kata-kata daripada satu bahasa yang lain. Contoh paling baik ialah bahasa Inggeris yang hampir 65 peratus perkataan dalam tersebut telah dipinjam

daripada bahasa Latin, Greek dan bahasa-bahasa lain. Bahasa Inggeris telah banyak menambah perkataan-perkataan baru kepada leksikon bahasanya sendiri melalui proses peminjaman sehingga berkembang maju dan menjadi relevan di seluruh dunia.

Hal ini dipersetujui Trask (1996) yang mengatakan bahawa proses peminjaman kata merupakan satu cara yang paling kerap berlaku apabila sesebuah bahasa ingin menambah kekayaan kosa katanya. Selain itu, Trask (1996) juga mendapati penutur apa sahaja bahasa di seluruh dunia juga sering menggunakan bahasa pinjaman sewaktu bertutur.

Walau bagaimanapun, Bloomfield (1933) berpendapat bahawa proses peminjaman ini berlaku secara bertahap-tahap (*gradual*). Adakala, proses peminjaman kata ini melibatkan perubahan kepada perkataan yang dipinjam ke dalam bahasa yang meminjam sama ada pada aspek fonologi, morfologi atau tatabahasa. Adakala pula, perkara ini tidak berlaku. Kata pinjaman yang tidak mengalami apa-apa perubahan dianggap sebagai kata pinjaman tulen. Kata pinjaman tulen ialah kata yang dipinjam secara bulat-bulat daripada bahasa yang dipinjam. Hal ini berlaku pada aspek fonologi, morfologi dan tatabahasa (Bloomfield, 1933; Haugen, 1953).

Weinreich (1968) dan Haugen (1953) juga mengesahkan bahawa terdapat banyak kajian yang menunjukkan bahawa kebanyakan kata pinjaman berbentuk kata nama diikuti dengan kata kerja dan kata sifat. Bahasa Melayu juga tidak terkecuali.

Proses peminjaman dalam bahasa Melayu pula mempunyai kaitan dengan perkembangan sejarah sosio politik. Menurut Hajah Noresah Baharom (2006), selepas abad ke-17, pengaruh bahasa Inggeris begitu ketara dalam perkembangan kosa kata bahasa Melayu disebabkan penjajahan pihak Inggeris di Tanah Melayu. Pengaruh ini terus marak dirasakan sehingga hari ini dengan adanya perkembangan yang pesat dalam bidang sains, teknologi, telekomunikasi dan arus gelombang globalisasi. Oleh itu, berlakunya peminjaman perkataan bahasa Inggeris dalam bahasa Melayu tidak lagi boleh dilihat sebagai suatu perkara asing yang harus dielakkan.

Kaedah Kajian

Bentuk Kajian

Kajian ini berbentuk gabungan kuantitatif dan kualitatif. Data kuantitatif didapatkan daripada respons pelajar menggunakan borang soal selidik dan respons 20 orang pelajar dalam sesi temu ramah yang dijalankan. Berdasarkan dapatan ini, kewajaran dapatan kajian dihuraikan.

Subjek Kajian

Kajian ini melibatkan 130 subjek yang terdiri daripada 65 orang pelajar perempuan dan 65 orang pelajar lelaki. Semua subjek terdiri daripada golongan remaja yang berusia antara 12 hingga 17 tahun. Subjek kajian merupakan pelajar Menengah 1 hingga 5 daripada Sekolah Menengah Pasir Ris Crest. Mereka merupakan pelajar aliran Ekspres, Normal Akademik dan Normal Teknikal.

Terdapat 10 orang pelajar yang mewakili peringkat menengah tertentu daripada aliran yang berbeza. Terdapat 10 orang pelajar yang terdiri daripada 5 orang pelajar lelaki dan 5 orang pelajar perempuan mewakili Menengah 1 dari aliran Ekspres. Terdapat 10 orang pelajar lain yang mewakili aliran Normal Akademik dan 10 orang pelajar dari aliran Normal Teknikal. Pemilihan subjek dilakukan secara rambang.

Prosedur Kajian

Dua jenis borang kajian telah disiapkan. Setiap borang kajian mengandungi lapan teks bacaan yang berbeza. Kelapan-lapan teks dalam borang kajian yang pertama diulang semula pada borang kajian yang kedua. Namun, beberapa perkataan yang ingin diuji digantikan dengan perkataan lain bagi tujuan kajian. Sebagai contoh:

*Borang Kajian A**Petikan 2*

Pelajar yang ideal ialah seorang pelajar yang mempunyai inisiatif dan inspirasi untuk berjaya dan maju dalam pelajaran. Pelajar ini akan mengulang kaji secara konsisten setiap masa. Apabila ujian semakin tiba, pelajar ini akan belajar dengan lebih intensif untuk mencapai kelulusan yang cemerlang. Pelajar ini juga mempunyai prinsip dalam hidupnya dan berani menghadapi realiti kehidupan. Pelajar ini juga akan sentiasa aktif dalam aktiviti yang boleh dimanfaatkannya sebagai pelajar. Dia akan memberikan dedikasi yang tinggi bagi setiap usaha yang dilakukannya.

Amat mudah Mudah Sederhana Susah Amat susah

*Borang kajian B**Petikan 7*

Pelajar yang unggul ialah seorang pelajar yang mempunyai daya usaha dan ilham untuk berjaya dan maju dalam pelajaran. Pelajar ini akan mengulang kaji secara tetap setiap masa. Apabila ujian semakin tiba, pelajar ini akan belajar dengan lebih giat untuk mencapai kelulusan yang cemerlang. Pelajar ini juga mempunyai pegangan dalam hidupnya dan berani menghadapi hakikat kehidupan. Pelajar ini juga akan sentiasa bertenaga dalam kegiatan yang boleh dimanfaatkannya sebagai pelajar. Dia akan memberikan dedikasi yang tinggi bagi setiap usaha yang dilakukannya.

Amat mudah Mudah Sederhana Susah Amat susah

Susunan lapan teks bacaan bagi setiap borang kajian juga dilakukan secara rambang tanpa mengikut kriteria tertentu. Sebagai bahan kajian dan penilaian, borang kajian atau borang soal selidik itu cuba meninjau sama ada penggunaan kata pinjaman bahasa Inggeris yang digunakan dalam teks bacaan dapat membantu pelajar memahami apa yang dibaca ataupun adakah pelajar lebih mudah memahami sesuatu teks bacaan yang ditulis dalam bahasa Melayu tanpa penggunaan sebarang kata pinjaman bahasa Inggeris. Pelajar juga dikehendaki memberikan profil tentang diri mereka dalam borang soal selidik tersebut.

Pelajar mengambil borang kajian pada dua masa yang berasingan. Jarak masa ialah seminggu. Contohnya, seorang subjek mengambil borang kajian Bahagian A pada hari Rabu semasa kelas bahasa Melayu berlangsung. Seminggu kemudian, pada hari dan waktu yang sama, subjek tersebut mengambil borang kajian yang kedua. Perkara ini dilakukan bagi memastikan kesahihan kajian yang dilakukan.

Subjek dikehendaki membaca lapan buah teks yang terdapat dalam borang kajian. Masa yang diperuntukkan untuk membaca teks bacaan tersebut adalah selama 30 minit. Setelah selesai membaca, subjek harus menilai sama ada teks bacaan tersebut susah atau senang difahami oleh mereka. Subjek menilai tahap kepayahan teks bacaan dengan menggunakan Skala Likert yang terdiri daripada 'amat mudah', 'mudah', 'sederhana', 'susah', 'amat susah'. Peratusan, kekerapan khalian, min purata dan jumlah data dikumpulkan bagi tujuan analisis data.

Kemudian, subjek dikehendaki menyenaraikan tiga patah perkataan daripada teks bacaan yang dianggap paling susah untuk difahami oleh mereka. Perkataan-perkataan ini akan dijadikan sebagai data dapatan kajian. Sesi temu ramah juga telah dijalankan bagi mendapatkan data bagi tujuan analisis dapatan. Sebanyak 20 orang pelajar dipilih secara rambang bagi sesi temu ramah ini. Sesi temu ramah dijalankan sepanjang sepuluh minit sahaja.

Dapatan Kajian

Respons pelajar terhadap pemahaman teks

Dapatan yang terdapat dalam Jadual 1 ialah dapatan hasil tinjauan pemahaman pelajar tentang teks yang dibaca dalam kedua-dua borang kajian A dan B. Teks A1 – B4 adalah dua pasang teks yang sama kecuali penggunaan kata pinjaman bahasa Inggeris yang diubah. Teks A1 terdapat dalam Borang Kajian A dan diatur sebagai petikan 1. Tanda * pada A1* bermaksud teks tersebut menggunakan kata pinjaman bahasa Inggeris. Dengan menggunakan skala Likert yang berskala lima, respons pelajar sama ada teks yang dibaca itu 'amat mudah' sehingga 'amat susah' dijadikan data yang dianalisis. Peratusan di bawah merupakan respons pelajar yang menganggap petikan tersebut sebagai 'mudah' atau 'amat mudah'.

Jadual 1: Respons Pelajar Terhadap Tahap Kepeyahan Petikan yang Mengandungi Kata Pinjaman Bahasa Inggeris

Peratusan Pelajar Yang Menganggap Teks Mudah atau Amat Mudah

Petikan	Kosa kata Inggeris	Kosa kata Melayu
A1* - B4	80.0	67.7
A2* - B7	66.9	53.1
A3 – B1*	48.5	40.0
A4 – B5*	55.4	49.2
A5* – B6	73.1	53.1
A6* – B3	38.5	37.7
A7* – B8	57.7	44.6
A8* – B2	54.6	71.5

** teks yang menggunakan kosa kata bahasa Inggeris*

Daripada lapan pasangan teks yang dikaji, hanya satu teks sahaja (12.5%) yang menggunakan kosa kata bahasa Melayu sepenuhnya dianggap 'mudah' atau 'amat mudah' difahami oleh subjek. Sebaliknya, tujuh buah (87.5%) teks bacaan yang menggunakan kata pinjaman bahasa Inggeris dianggap 'mudah' atau 'amat mudah' difahami oleh golongan pelajar ini. Dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar yang terlibat dalam kajian ini lebih mudah memahami teks bacaan yang mengandungi kata pinjaman bahasa Inggeris yang kebanyakannya dieja atau disebut hampir sama dengan perkataan asalnya dalam bahasa Inggeris. Dapatan ini juga mengukuhkan dapatan awal kajian apabila pelajar yang ditemu ramah mengatakan teks yang banyak menggunakan kata pinjaman bahasa Inggeris memang mudah difahami oleh mereka berbanding dengan teks bacaan yang mengandungi bahasa Melayu sepenuhnya. Mereka juga memberikan pandangan bahawa penggunaan kata pinjaman bahasa Inggeris dapat membantu mereka lebih cepat memahami perkara yang didengar dan dibaca kerana mereka berpendapat bahawa kebanyakan perkataan dalam bahasa Melayu yang digunakan oleh guru mereka di dalam bilik darjah belum pernah atau sangat jarang mereka gunakan sehingga sukar bagi mereka memahami maksud yang ingin disampaikan.

Jika ditinjau min respons pelajar pada setiap teks yang dibaca, teks yang mempunyai min yang paling tinggi (dianggap 'sangat susah') terlihat pada teks

bacaan yang mengandungi bahasa Melayu sepenuhnya. Min bagi teks bacaan B8 yang dianggap 'paling susah' untuk difahami oleh kebanyakan pelajar ialah 2.72. Teks tersebut dilampirkan di bawah:

Borang Kajian B

Petikan 8

Setelah melunaskan cengkeram bagi kereta barunya, Maria menuju ke arah keretanya. Setelah jentera kereta dihidupkan, Maria terus ke pantai di mana perkelahan yang telah keluarganya rancangkan diadakan. Dengan berpakaian serba jingga, Maria memang menawan walaupun ukuran badannya kecil molek. Apabila sampai di pantai, Maria menantikan tindak balas ahli-ahli keluarganya. Ayahnya tiba-tiba memberi teguran. "Bolehlah Maria menjadi pemandu peribadi ayah." Percakapan ayahnya tidak menjejaskan Maria. Mereka semua hanya ketawa. Setelah itu, mereka pun mengambil gambar keluarga bersama kereta baru Maria.

Petikan yang mempunyai min yang paling rendah ialah petikan A1. Kebanyakan pelajar menganggap petikan ini paling mudah untuk difahami dan min petikan ini ialah 1.85. Petikan tersebut juga dilampirkan di bawah:

Borang Kajian A

Petikan 1

Sejak menyertai geng samseng itu, Nadia semakin berani mempamerkan aksi yang memalukan. Stail pakaiannya juga semakin menjolok mata. Dia sering melanggar peraturan disiplin di sekolah. Baru-baru ini, dia telah didapati meminum bir di kolong blok walaupun masih memakai uniform sekolahnya. Seorang asisten guru telah menangkapnya. Di kelas, Nadia sering tidur. Akibatnya gred dalam pelajarannya terjejas. Nasib baik sekolahnya mempunyai sebuah program yang boleh membantu pelajar sepertinya agar tidak terus hanyut.

Min purata bagi petikan-petikan ini juga dikira. Secara keseluruhan, min purata bagi teks bacaan yang menggunakan kata pinjaman bahasa Inggeris ialah 2.27. Min purata bagi petikan yang menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya tanpa perkataan pinjaman bahasa Inggeris ialah 2.42. Sekali lagi, dapatan ini mencerminkan bahawa pelajar ini lebih mudah memahami petikan bacaan yang

mengandungi lebih banyak kosa kata pinjaman bahasa Inggeris. (Rujuk Lampiran 3, 3A dan 3B)

Respons Pelajar Terhadap Perkataan Susah

Dalam kedua-dua borang kajian, pelajar harus menyenaraikan tiga patah perkataan yang dianggap susah untuk mereka fahami daripada petikan yang dibaca. Jumlah pelajar yang memilih perkataan yang sama sebagai perkataan yang 'susah' dikira. Dapatan pada aspek ini agak menarik.

Perkataan-perkataan yang dianggap 'susah' oleh pelajar disenaraikan berdasarkan petikan. Jumlah perkataan yang dianggap 'susah' itu dikira. Sila rujuk Lampiran 4 dan 4A. Kemudian, sepuluh perkataan yang dianggap 'paling susah' daripada petikan itu disenaraikan lagi. Setelah itu, perkataan-perkataan yang terdapat dalam daftar perkataan pula diketepikan dan dikira. Setelah kiraan dilakukan, 69 daripada 80 patah perkataan yang dianggap 'susah' ialah perkataan yang ingin diuji atau tersenarai dalam daftar 100 perkataan. Daripada 69 patah perkataan yang dianggap 'susah' itu, 39 patah perkataan (56.5%) ialah perkataan kata pinjaman bahasa Inggeris. 30 lagi patah perkataan (43.5%) ialah perkataan bahasa Melayu. Jumlah perkataan kata pinjaman bahasa Inggeris yang susah difahami lebih tinggi daripada perkataan bahasa Melayu.

Oleh itu, walaupun pelajar mudah memahami petikan yang mengandungi lebih banyak perkataan kata pinjaman bahasa Inggeris, mereka mendapati lebih sukar memahami makna beberapa perkataan dalam kata pinjaman bahasa Inggeris tersebut. Hal ini perlu diambil kira oleh guru agar guru tidak menggunakan kata pinjaman bahasa Inggeris dengan sewenang-wenangnya di dalam kelas. Namun, bagi dapatan ini, jumlah pelajar juga harus diambil kira.

Jumlah pelajar yang menganggap kata pinjaman bahasa Inggeris dan perkataan bahasa Melayu tertentu 'susah' turut dikira. (Rujuk Lampiran 5). Dapatan menunjukkan jumlah pelajar yang menganggap kata pinjaman bahasa Inggeris 'susah' lebih rendah (48%) daripada jumlah pelajar Melayu yang menganggap perkataan bahasa Melayu lebih 'susah' (52%). Bagi mengukuhkan dapatan ini, beberapa patah perkataan yang dianggap 'susah' dalam kedua-dua bahasa disenaraikan. Setelah diteliti, jumlah pelajar Melayu yang tidak memahami

perkataan bahasa Melayu yang diuji jauh lebih tinggi daripada jumlah yang tidak memahami kata pinjaman bahasa Inggeris.

Sebagai contoh, terdapat 42 orang pelajar yang tidak memahami makna perkataan *wira* tetapi hanya terdapat lima orang sahaja pelajar yang tidak memahami makna perkataan *hero*. 64 orang pelajar tidak tahu makna perkataan *unggul* tetapi hanya 12 orang pelajar sahaja yang tidak tahu makna *ideal*. Sila rujuk rajah di bawah untuk melihat senarai contoh perkataan yang lain.

Jadual 2: Perbandingan Jumlah Pelajar Yang Menganggap Kata Pinjaman bahasa Inggeris dan Perkataan Bahasa Melayu yang Mempunyai Makna yang Sama Susah

Perkataan Inggeris	Perkataan Melayu
Hero - 5	Wira - 42
Kolej - 5	Maktab - 14
Fizikal - 14	Jasmani - 37
Arkitek - 8	Jurubina- 36
Kompleks - 17	Rumit - 50
Faktor - 11	Unsur - 31
Ideal - 12	Unggul - 64
Inspirasi - 10	Ilham - 37
Realiti - 2	Hakikat - 32

Dapatan dalam bahagian ini amat membimbangkan. Jelas bahawa pelajar Melayu boleh berbahasa Melayu dengan baik tetapi pengetahuan kosa kata mereka yang pelbagai amat terhad. Mereka setakat boleh berkomunikasi dengan menggunakan kosa kata yang mudah tetapi mereka mengalami kesukaran memahami dan menggunakan kosa kata dalam bahasa Melayu yang pelbagai, lengkap dan bermutu. Perkara ini perlu diatasi kerana jika pelajar Melayu boleh begitu yakin menggunakan kata pinjaman bahasa Inggeris yang tertentu, dia mungkin akan lebih kerap menggunakan kata pinjaman bahasa Inggeris sehingga mereka tidak tahu apakah perkataan yang mempunyai makna sinonim dengan perkataan kata pinjaman itu dalam bahasa Melayu. Yang paling menyedihkan, perkataan dalam bahasa Melayu itu akan hilang penggunaannya dan akhirnya akan lenyap begitu sahaja.

Dapatan seterusnya harus menyedarkan penutur bahasa Melayu tentang kata pinjaman bahasa Inggeris yang semakin meresap ke dalam jiwa masyarakat kita terutama golongan muda. Sepuluh patah perkataan yang paling susah daripada borang kajian telah dikenal pasti untuk mengesahkan dapatan yang awal. Setelah disenaraikan sepuluh perkataan yang paling susah, kebimbangan tentang tahap penguasaan kosa kata bahasa Melayu dalam kalangan pelajar semakin mencemaskan. Hanya satu sahaja perkataan bahasa Inggeris berada dalam senarai itu. Ini bermakna sebanyak sembilan patah perkataan dalam bahasa Melayu tersenarai dalam 10 perkataan 'paling susah'. (Rujuk Lampiran 6). Dapatan ini menunjukkan pelajar mempunyai lebih banyak masalah memahami perkataan yang hampir setara maknanya dalam bahasa Melayu.

Jadual 3: 10 Perkataan 'Paling Susah' Bagi Pelajar

No	Perkataan	Jumlah Pelajar	Peratus
1	antologi	80	61.5 %
2	hambal	79	60.7%
3	sejagat	77	59.2%
4	bertauliah	70	53.0%
5	sastera	67	51.5%
6	perselisihan	65	50.0%
7	unggul	64	49.2%
8	cengkeram	63	48.4%
9	swasta	60	46.1%
10	penyunting	57	43.8%

Daripada Jadual 3, perkataan yang 'paling susah' untuk pelajar fahami ialah *antologi*, sebuah kata pinjaman bahasa Inggeris. Mungkin perkataan *antologi* itu sendiri jarang digunakan atau tidak digunakan dalam kalangan pelajar.

Kesimpulan

Implikasi dan Kesan Dapatan Kajian kepada Guru Bahasa Melayu

Secara amnya, kajian ini menunjukkan bahawa profil pelajar di sekolah menengah kejuruan sudah mengalami perubahan. Pelajar ini lebih cenderung menggunakan bahasa Inggeris dalam perbualan dalam kalangan teman bagi memudahkan komunikasi antara mereka. Oleh sebab mereka selesa berkomunikasi dalam bahasa Inggeris, kajian ini juga membuktikan golongan pelajar lebih mudah memahami teks bacaan yang menggunakan kata pinjaman bahasa Inggeris. Oleh itu, untuk membantu pelajar memahami pengajaran di dalam kelas dengan lebih baik, guru bahasa Melayu harus melihat potensi penggunaan kata pinjaman bahasa Inggeris di dalam bilik darjah dengan lebih luas.

Namun, guru bahasa Melayu juga harus menyediakan sokongan bagi membantu pelajar dalam penggunaan kata pinjaman bahasa Inggeris di dalam bilik darjah. Guru harus tahu penggunaan kata pinjaman bahasa Inggeris yang betul dari segi ejaan, sebutan dan imbuhan. Guru harus memastikan perkara ini diambil kira sepenuhnya jika kata pinjaman bahasa Inggeris ingin digunakan dengan meluas di dalam bilik darjah. Guru juga harus merujuk buku *Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Antara pedoman yang boleh dikongsi bersama pelajar ialah penerangan tentang cara kata pinjaman tersebut diserap atau dipinjam berdasarkan hukum-hukum linguistik tertentu. Sewaktu memilih kata pinjaman bahasa Inggeris untuk digunakan dalam teks, antara syarat-syarat yang boleh guru fikirkan sebagai landasan penggunaan kata pinjaman tersebut ialah:

- a) adakah kata pinjaman itu mempermudah pemahaman teks;
- b) adakah kata pinjaman itu lebih ringkas daripada perkataan Melayu; dan
- c) kata pinjaman yang digunakan sesuai dan tepat tanpa mengandungi konotasi yang negatif.

Jika perkara di atas tidak dipenuhi maka guru seharusnya menggunakan perkataan bahasa Melayu agar dapat memperkaya dan memperkasa kosa kata bahasa Melayu pelajarnya.

Pemilihan kata pinjaman bahasa Inggeris yang sesuai digunakan juga harus dibuat dengan teliti. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat beberapa perkataan kata pinjaman bahasa Inggeris yang sukar difahami pelajar seperti perkataan *antologi*. Walaupun jumlah pelajar yang kurang memahami makna kata pinjaman ini kecil berbanding dengan jumlah pelajar yang tidak memahami perkataan dalam bahasa Melayu, guru harus bersikap prihatin. Apa yang dicadangkan ialah guru menggunakan perkataan yang ada dalam bahasa Melayu. Jika *antologi cerpen* sukar difahami oleh pelajar, *kumpulan cerpen* pula lebih mudah difahami.

Oleh itu, menggunakan kata pinjaman bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran bukanlah bermakna guru itu lebih mementingkan penggunaan bahasa Inggeris atau merendahkan kedudukan dan potensi bahasa Melayu. Guru harus memastikan pendedahan pelajar terhadap kosa kata bahasa Melayu juga harus berlaku secara seimbang. Hal ini memandangkan bahawa dapatan ini juga menunjukkan bahawa ramai pelajar Melayu mempunyai masalah memahami makna perkataan dalam bahasa Melayu itu sendiri. Hal ini tidak boleh diremehkan kerana tanpa penguasaan kosa kata yang pelbagai dan bermutu, bahasa Melayu yang digunakan akan lebih sesuai untuk tujuan berkomunikasi sahaja. Dalam jangka masa yang panjang, pelbagai masalah lain akan berlaku sehingga menyukarkan pelestarian bahasa Melayu. Sebagai pengguna dan pencinta bahasa Melayu, usaha memartabatkan bahasa Melayu tidak boleh dipinggirkan begitu sahaja.

Secara ringkasnya, kajian ini telah menunjukkan bahawa:

- a) pelajar sekolah menengah lebih mudah memahami petikan bacaan yang mengandungi kata pinjaman bahasa Inggeris daripada petikan bacaan yang hanya menggunakan perkataan dalam bahasa Melayu sepenuhnya;
- b) kebanyakan pelajar menganggap perkataan bahasa Melayu lebih susah difahami daripada kata pinjaman bahasa Inggeris;
- c) pelajar mendapati makna bagi kata pinjaman bahasa Inggeris tertentu lebih sukar difahami; namun
- d) jumlah pelajar yang tidak memahami makna perkataan dalam bahasa Melayu semakin bertambah (lebih ramai daripada mereka yang tidak memahami kata pinjaman bahasa Inggeris).

Dapatan-dapatan ini perlu diberikan perhatian oleh penutur dan pencinta bahasa Melayu terutama dalam kalangan guru yang mengajar bahasa Melayu di sekolah. Apapun ikhtiar yang guru-guru bahasa Melayu ambil bagi melakarkan strategi pengajaran yang berkesan, usaha tersebut harus juga digandingkan dengan tujuan guru untuk memartabatkan bahasa Melayu dan memupuk rasa cinta bahasa Melayu dalam diri pelajarnya. Sebagai penutup, kata-kata Profesor Emeritus Datuk Dr Nik Safiah Abdul Karim dalam Seminar Arif Budiman 2010 harus kita renungkan:

"Bahasa Inggeris diterima dan digunakan untuk tujuan utiliti kerana sifat dan kedudukannya sebagai bahasa antarabangsa. Bahasa Melayu pula ialah bahasa yang mendasari budaya dan jiwa orang Melayu. Kita boleh mengagumi bahasa Inggeris kerana kepersisannya tetapi kita mencintai bahasa Melayu kerana kejiwaannya".

Prof Nik Safiah (2010)

Rujukan

Bloomfield, Leonard. (1933). *Language*, New York: Holt, Rinehart and Winston.

Haugen, Einar. (1953). *The Norwegian Language in America: a study In bilingual behavior*, Philadelphia: University of Pennsylvania Press.

Hawazi Daipi, teks ucapan dalam Seminar Bagi Guru-Guru Bahasa Melayu Prasekolah, 11 Feb 2006,

[Http://www.Moe.Sg/Media/Speeches/2006/Sp20060211c.Htm](http://www.moe.sg/Media/Speeches/2006/Sp20060211c.htm).

Kamus Dewan, (1989,1994), Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nik Safiah Abdul Karim. (2010). *Memartabatkan Bahasa Melayu Dalam Dunia Tanpa Sepadan*, Seminar Arif Budiman 2010 : Singapura.

Noresah Baharom. (2006). *Penyebaran dan Perkembangan Bahasa*, Berita Harian , 20 Disember 2006.

Rozaiman Makmun, *Pengajaran Terancang Kata Pinjaman Inggeris : Memperkaya Kosa Kata Pelajar Bahasa Melayu*, Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah, Brunei Darussalam, kertas kerja.

Trask ,R.L.(1996). *Historical Linguistics*, London: Arnold.

Weinreich, Uriel. (1953). *Languages in Contact*, The Haque: Mouton & Co.